

DASAR PENDIDIKAN TAHFIZ NEGARA: PELAKSANAAN DI KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Azhar Ahmad & Hairul Hisyam Adam

ABSTRAK

Di Malaysia, mutakhir ini pengajian dalam bidang tafsir al-Quran semakin mendapat tempat di kalangan masyarakat. Ini terbukti daripada jumlah bilangan permohonan calon untuk memasuki institusi dan pusat tafsir setiap tahun sama ada di pusat-pusat dan maahad-maahad tafsir yang diasaskan secara persendirian, di bawah kelolaan kerajaan negeri mahupun persekutuan. Permintaan yang tinggi ini telah mendapat perhatian Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dalam memastikan perkembangan kurikulum tafsir berjalan dengan seimbang di negara ini. Justeru itu, berdasarkan Gelombang 1 Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025, Kementerian Pendidikan Malaysia komited di dalam menyediakan pendidikan berkualiti tinggi bagi melengkapkan murid dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran yang relevan untuk berjaya di dalam pasaran kerja berteraskan nilai Islam yang kukuh. Pada 7 Disember 2013, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengumumkan Tafsir Model Ulul Albab (TMUA) diperluaskan pelaksanaannya ke seluruh negara mulai tahun 2014 dengan tiga buah sekolah telah terpilih untuk melaksanakan TMUA. Mulai tahun 2017, TMUA telah berjaya dilaksanakan mengikut perancangan KPM iaitu sebuah sekolah TMUA bagi setiap negeri di Malaysia.

Kata kunci: *al-quran, tafsir, kurikulum, quranik, ensiklopedik, ijtihadik.*

PENGENALAN

Bermula dari abad ke 15 hingga ke 17, masyarakat di Tanah Melayu mempelajari Islam melalui dua sumber, iaitu guru al-Quran di kampung dan golongan yang berketurunan Sayyid. Pada abad ke 18, pendidikan tentang asas Islam semakin berkembang maju dengan berlakunya penghijrahan golongan ulama dan pendakwah dari Timur Tengah ke Tanah Melayu (KPT 2010; Abdullah Ishak 1990; Mohd Hairudin & Kamarul Azmi 2012). Seiring dengan perkembangan positif pendidikan al-Quran, pusat pengajian semakin bertambah dan beroperasi di masjid, surau dan istana. Pengajian al-Quran secara tradisi terus berevolusi sehingga tertubuhnya institusi pondok di beberapa negeri seperti Terengganu, Kelantan dan Kedah (Mohd Hairudin & Kamarul Azmi 2012). Sistem pendidikan pondok lazimnya bermula daripada golongan tuan guru dari luar negara.

Kebanyakan guru pondok mempunyai pengaruh yang kuat dalam sesebuah kawasan dan mereka memberi khidmat secara sukarela. (KPT 2010; Ahmad 2008; Mohd Hairudin & Kamarul Azmi 2012). Institusi pengajian pondok dikatakan memainkan peranan yang amat besar dalam pembinaan sebuah masyarakat yang berpengetahuan agama di Tanah Melayu, di samping mencegah masalah buta huruf, serta menghasilkan alim ulama dan orang yang terpelajar (Report of the Committee to Consider Financial Aids to Non-Government Islamic Religious School 1956: 2-3).

Sejarah menghafaz al-Quran di Malaysia secara formalnya bermula pada tahun 1966 selaras dengan hasrat yang dicetuskan oleh Syeikh Mahmud Syaltut, Syeikhul Azhar ketika itu yang hadir semasa perasmian pembukaan Masjid Negara (Wan Muhammad 1995). Mula beroperasi di Masjid Negara, Kuala Lumpur dan diberi nama Maahad Tahfiz al-Quran wal Qiraat. Pada tahun 1997 maahad tahfiz ini telah dinaik taraf sebagai salah satu bahagian di Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan dikenali dengan nama Darul Quran yang ditempatkan di kampus tetap Kompleks Darul Quran Ampang Pecah, Kuala Kubu Bharu Selangor (Darul Quran 2006).

Penubuhan Maahad Tahfiz Negeri seluruh Malaysia bermula pada 1979 di negeri Kelantan. Pada tahun 1980-an Terengganu, Perak, Kedah, Perlis dan Selangor telah menubuhkan Maahad tahfiz negeri. Seterusnya pada awal 1990-an Negeri Sembilan, Melaka Pahang dan Sabah mempunyai Maahad Tahfiz Negeri. Sehingga yang terakhir pada tahun 1996 Maahad Tahfiz Negeri Johor dan Pulau Pinang (Syed Ahmad Tarmizi 2003). Penubuhan Maahad Tahfiz negeri ini telah menggunakan program Diploma Tahfiz Al-Quran Darul Quran yang diiktiraf setaraf dengan Diploma oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

TAHFIZ DI KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

TMUA adalah sebahagian daripada Kurikulum Kebangsaan yang diperkenalkan oleh KPM yang bertujuan untuk melahirkan golongan profesional dan cendekiawan agama yang menghafaz al-Quran. Pada mulanya, kurikulum ini adalah yang dirangka untuk guna pakai di Sekolah Agama Negeri (SAN) dan Sekolah Agama Rakyat (SAR) selepas SAR dan SAN didaftarkan sebagai Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK), KPM mendapat kurikulum dini dan kurikulum tahfiz yang dilaksanakan SABK tidak seragam sehingga menimbulkan kesukaran dalam menyelaras program pendidikan di SABK, meliputi pengagihan jumlah waktu mengajar, bantuan per kapita, bantuan mata pelajaran dan latihan guru.

Sehubungan itu, satu saranan supaya kurikulum dini dan kurikulum tafhiz di SABK diselaras dan dijadikan Kurikulum Kebangsaan ketika Seminar Pemantapan Kurikulum SABK peringkat kebangsaan pada 3 hingga 5 Disember 2008 di Port Dickson, Negeri Sembilan. Cadangan penyelarasan kurikulum ini juga disepakati pada Persidangan Ketua-Ketua Jabatan/ Majlis Agama Islam Negeri Seluruh Malaysia Kali ke-86 di Kangar.pada 27 Mei 2011. Seterusnya, pada 4 Disember 2012, mesyuarat Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia (MKI) telah bersetuju menamakan kurikulum baharu ini sebagai Kurikulum Bersepadu Dini (KBD) dan Kurikulum Bersepadu Tafhiz (KBT). Akhir sekali, Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan Pendidikan ke-204, Bil 1/2014 bertarikh 24 Februari 2014 bersetuju dengan pelaksanaan Tafhiz Model Ulul Albab (TMUA) di sekolah menengah Kementerian Pendidikan Malaysia mulai 2014 dengan menggunakan Kurikulum Bersepadu Tafhiz (KBT).

TMUA merupakan gabungan antara Kurikulum Kebangsaan, Kurikulum Bersepadu Tafhiz (KBT) dan Pendekatan model ulul albab yang menekankan 3 elemen penting iaitu *quranik*, *ijtihadik* dan *ensiklopedik* (Aminudeen 2012; Idris 2006; Ruhaizan et al. 2014; Wan Mariana & Mohd Shafiee 2012). *Quranik* merujuk kepada kemampuan menghafaz 30 juzuk ayat suci Al-quran serta menjadikan Al-quran sebagai satu budaya hidup seharian. *Ensiklopedik* pula dilihat kepada kebolehan menjadi pakar rujuk dalam pelbagai bidang ilmu dan bahasa. Manakala *ijtihadik* adalah keupayaan dapat menyumbang idea, membuat penyelesaian masalah, menginovasi dengan memaksimumkan hikmah akal fikiran yang dikurniakan Allah s.w.t dengan sebaik mungkin. Konsep *ijtihadik* ini juga selari dengan salah satu aspirasi murid yang ditetapkan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 iaitu Kemahiran Berfikir Aras Tinggi.

Objektif utama penubuhan TMUA adalah untuk melahirkan ahli professional, teknokrat dan usahawan yang mempunyai kemahiran dalam bidang keagamaan berlandaskan al-Quran dan al-Sunnah sebagai penerus generasi Ulul Albab. Selain itu, pelaksanaan kurikulum ini juga berhasrat melahirkan generasi Ulul Albab yang beriman, bertaqwa, berilmu, berakhhlak mulia, berketrampilan, bertanggungjawab dan berbakti kepada agama, bangsa dan negara. Bagi merealisasikan TMUA dalam sistem pendidikan KPM ini, aspek multilingual diutamakan dengan menjadikan Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan Bahasa Arab sebagai teras dan bahasa-bahasa antarabangsa seperti Bahasa Jepun, Bahasa Mandarin. Bahasa Perancis dan lain-lain juga ditawarkan sebagai subjek pilihan.

KONSEP TAHFIZ MODEL ULUL ALBAB

Tahfiz Model Ulul Albab ini merupakan gabungan antara Kurikulum Kebangsaan, Kurikulum Bersepadu Tahfiz dan kokurikulum dengan menggunakan tiga pendekatan, iaitu:

Pendekatan Quranik

Pendekatan Quranik merupakan kaedah bagi membolehkan murid menghafaz 30 juzuk al-Quran serta memahami kandungannya berdasarkan konsep baca, ingat, faham, fikir, amal dan sebar (BIFFAS) dalam tempoh lima tahun persekolahan di sekolah menengah.

Pendekatan Ensiklopedik

Pendekatan ensiklopedik merupakan kaedah bagi menyediakan asas kepada murid untuk menguasai pelbagai ilmu dan bahasa serta berkemahiran tinggi dan mampu bertindak sebagai pakar rujuk kepada rakan sebaya.

Pendekatan Ijtihadik

Pendekatan ijtihadik merupakan satu kaedah untuk menyediakan murid yang berupaya memberi pandangan dalam menyelesaikan masalah dan memaksimumkan keupayaan berfikiran aras tinggi secara kreatif dan inovatif. Murid diberi peluang untuk menyertai dan memimpin kegiatan kokurikulum dengan mendapat kerjasama daripada pelbagai pihak di samping bergiat aktif dalam program khidmat masyarakat. Antara aktiviti kokurikulum yang dicadang untuk dilaksanakan berdasarkan kemampuan sekolah ialah berkuda, berenang, memanah, robotik dan avionik.

OBJEKTIF TAHFIZ MODEL ULUL ALBAB

TMUA dilaksanakan bagi mencapai objektif melahirkan modal insan yang mampu:

- Menghafaz 30 juzuk al-Quran
- Profesional yang mempunyai asas keagamaan yang mantap berlandaskan al-Quran dan al-Sunnah
- Berketrampilan, berwibawa dan berkepimpinan
- Memaksimumkan keupayaan berfikir aras tinggi, kreatif dan inovatif
- Boleh menjalinkan hubungan dengan Allah Ta’ala, sesama manusia dan dengan kejadian alam berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah.

KURIKULUM TAHFIZ MODEL ULUL ALBAB

Dokumen kurikulum untuk mata pelajaran Hifz al-Quran dan Maharat al-Quran telah disediakan oleh Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK). Mata pelajaran yang ditawarkan di sekolah yang melaksanakan TMUA adalah seperti berikut:

Jadual 1 Mata Pelajaran Bagi Sekolah Yang Melaksanakan Kurikulum TMUA

Bil	Mata Pelajaran Menengah Rendah	Bil	Mata Pelajaran Menengah Atas
1	Bahasa Melayu	1	Bahasa Melayu
2	Bahasa Inggeris	2	Bahasa Inggeris
3	Matematik	3	Matematik
4	Sains	4	Matematik Tambahan
5	Pendidikan Islam	5	Fizik/Biologi
6	Sejarah	6	Kimia
7	Bahasa Arab	7	Pendidikan Islam
8	Bahasa Antarabangsa	8	Sejarah
9	Pendidikan Jasmani dan Kesihatan	9	Bahasa Arab
10	Hifz al-Quran	10	Bahasa Antarabangsa
11	Maharat al-Quran	11	Pendidikan Jasmani dan Kesihatan
12	Geografi	12	Hifz al-Quran
13	Kemahiran Hidup Bersepadu	13	Maharat al-Quran
14	Pendidikan Seni		

Sumber: Surat Pekeliling Ikhtisas Bil 1/2016

PELAKSANAAN MATA PELAJARAN HIFZ AL-QURAN

Hifz al-Quran ialah mata pelajaran yang mengkehendaki murid menghafaz 30 juzuk al-Quran dalam tempoh lima tahun persekolahan di sekolah menengah di bawah bimbingan guru tahfiz menurut sukanan tertentu pada setiap tahun. Setiap tahun murid dikehendaki menghabiskan sukanan atau *muqarrar* yang telah ditetapkan. Jadual di bawah menunjukkan pembahagian sukanan hafazan yang perlu dikuasai oleh murid mengikut tempoh yang dicadangkan.

Jadual 2: Sukatan Juzuk yang Dihafaz Murid Mengikut Tingkatan

Tingkatan	Sukatan
Tingkatan 1	6
Tingkatan 2	7
Tingkatan 3	6
Tingkatan 4	7
Tingkatan 5	4

Langkah pelaksanaan mata pelajaran Hifz al-Quran merangkumi aktiviti yang telah disusun seperti berikut:

- *Tahriri* hafazan: Aktiviti menulis ayat-ayat al-Quran hafazan baharu dalam buku yang disediakan bagi persediaan *tasmik*
- Hafazan Baharu: Aktiviti menghafaz ayat-ayat al-Quran yang akan ditasmik (memperdengarkan hafazan) pada keesokan hari
- *Tahdhir*: Aktiviti menyemak dan memperkuuh ayat-ayat hafazan baharu murid di hadapan guru secara individu sebagai persediaan sebelum aktiviti *tasmik*.
- *Tasmik*: Aktiviti murid memperdengarkan ayat-ayat hafazan baharu di hadapan guru secara individu.
- *Murajaah*: Aktiviti mengulang semula ayat-ayat yang telah dihafaz murid di hadapan guru secara individu.
- *Fiqh al-Ayat*: Aktiviti murid menerangkan intisari kefahaman ayat-ayat hafazan yang telah dihafaz.

Pelaksanaan *Tahriri Hafazan* dan *Hafazan Baharu* pula bermula pada jam 7.30 malam hingga 9.30 malam. Kesemua aktiviti ini adalah di bawah bimbingan guru tahniz dengan nisbah seorang guru untuk 30 orang murid (1:30). Antara tugas yang perlu dipantau oleh guru tahniz ini ialah memastikan setiap murid menulis dan menghafaz ayat-ayat *Hafazan Baharu* sebanyak satu muka surat. Guru tahniz ini juga berperanan sebagai tempat rujukan murid untuk menyemak bacaan secara seorang demi seorang semasa aktiviti *Tahriri* dan *Hafazan Baharu*

Jadual 3: Pelaksanaan Aktiviti Kelas Malam

Bil	Waktu	Aktiviti
1	7.30 mlm-8.00 mlm	Menulis ayat hafazan baharu sebanyak satu muka surat secara individu selama 30 minit
2	8.00 mlm-9.00 mlm	Menghafaz ayat-ayat Hafazan Baharu sebanyak satu muka surat secara individu selama enam puluh minit.

3	9.00 mlm-9.30 mlm	Murid memperdengarkan bacaan <i>Hafazan Baharu masing-masing</i>
---	-------------------	---------------------------------------------------------------------

Jadual 4: Pelaksanaan Aktiviti Tasmik (Kelas Pagi) (1:10)

Bil	Waktu	Aktiviti
1	6.30 pagi-7.10 pagi	<i>Tahdhir</i> (guru menyemak bacaan <i>Hafazan Baharu murid</i>)
2	7.10 pagi-7.30 pagi	Sarapan Pagi
3	7.30 pagi-8.10 pagi	Murid memperdengarkan ayat <i>Hafazan Baharu sebanyak satu muka surat sehari di hadapan guru secara individu (4 minit: 1 murid)</i> Aktiviti ini berlaku pada empat hari pertama minggu pembelajaran.

Jadual 5: Pelaksanaan Aktiviti Murajaah (1:10)

Bil	Waktu	Aktiviti
1	8.10 pagi-8.50 pagi	<p><i>Murajaah Hafazan Baharu</i></p> <p>Murajaah sebanyak dua muka surat sebelum muka surat Tasmik di hadapan guru secara individu (4 minit: 1 murid).</p> <p>Contoh: Sekiranya muka surat Tasmik ialah muka surat 20, maka Murajaah Hafazan Baharu ialah muka surat 18 dan 19.</p> <p><i>Aktiviti ini berlaku pada empat hari pertama minggu pembelajaran.</i></p> <p><i>Murajaah Hafazan Lama</i></p> <p>Aktiviti mengulang hafazan dua muka surat seorang secara bergilir-gilir (<i>kaedah tadarus</i>) sebanyak satu juzuk sebelum juzuk tasmik. Setiap murid melakukan murajaah di hadapan guru secara individu (4 minit: 1 murid).</p> <p><i>Contoh:</i> sekiranya juzuk tasmik semasa ialah juzuk dua, maka murajaah hafazan lama ialah juzuk satu.</p>
2	8.50 pagi-9.30 pagi	

Jadual 6 Pelaksanaan Aktiviti Murajaah Mingguan dan Fiqh al-Ayat (1:10)

Bil	Waktu	Aktiviti
1	7.30 pagi-8.30 pagi	<p><i>Murajaah Mingguan</i> Aktiviti mengulang bacaan sebanyak empat muka surat meliputi semua muka surat yang telah dihafaz pada minggu tersebut di hadapan guru secara individu (6 minit: 1 murid).</p> <p><i>Aktiviti ini berlaku pada hari kelima minggu pembelajaran</i></p> <p><i>Fiqh al-Ayat</i></p>
2	8.30 pagi-9.30 pagi	<p>Aktiviti menerangkan intisari kefahaman ayat-ayat hafazan yang telah dihafaz oleh murid pada minggu tersebut sebanyak empat muka surat di hadapan di hadapan guru secara individu (6 minit: 1 murid).</p> <p><i>Aktiviti ini berlaku pada hari kelima minggu pembelajaran.</i></p>

SEKOLAH, MURID DAN GURU TMUA

Di awal tahun 2014 TMUA mula beroperasi di tiga buah sekolah terpilih, iaitu di SMK Agama Kuala Lumpur, SMKA Agama Kedah dan SMAP Bentong. Diikuti pada tahun 2015 SMKA Kerian di Perak, SMKA Maahad Muar di Johor, SMKA Tok Bachok, Kelantan dan SBPI Rawang, Selangor. Pada tahun 2016 pertambahan empat sekolah lagi iaitu di SMKA Kota Kinabalu, Sabah, SMKA Haji Mohd Hassan Sail, Negeri Sembilan, SMKA Nibong Tebal, Pulau Pinang dan SBPI Batu rakit, Terengganu. Mulai tahun 2017, hasrat KPM mewujudkan satu sekolah TMUA di setiap negara tercapai apabila empat buah sekolah lagi melaksanakan kurikulum tahfiz.

Jadual 7 Pelaksanaan TMUA secara berperingkat-peringkat di Sekolah Menengah KPM

Tahun	Negeri	Sekolah
2014	WP Kuala Lumpur	SMKA Kuala Lumpur
	Kedah	SMKA Kedah
	Pahang	SMAP Bentong
	Perak	SMKA Kerian
2015	Johor	SMKA Maahad Muar
	Kelantan	SMKA Tok Bachok
	Selangor	SBPI Rawang
	Negeri Sembilan	SMKA Haji Mohd Hassan Sail
2016	Pulau Pinang	SMKA Sheikh Abdullah Fahim
	Tereengganu	SBPI Batu rakit
	Sabah	SMKA Kota Kinabalu
	Perlis	SMKA Arau
2017	WP Putrajaya	SMKA Putrajaya

Melaka
Sarawak

SBPI Selandar
SMKA Sheikh Haji Othman
Abdul Wahab

Sumber: Buku Laporan Tahunan, Bahagian Pendidikan Islam (2016).

Sehingga hari ini sebanyak 15 buah sekolah telah melaksanakan kurikulum TMUA. Sebanyak 11 buah di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) di bawah urustadbir Bahagian Pendidikan Islam (BPI) KPM dan 4 buah di Sekolah Berasrama Penuh di bawah kelolaan Bahagian Pengurusan Sekolah Berasrama Penuh dan Sekolah Kecemerlangan (BPSBPSK), KPM.

Pada peringkat awal penubuhan dan pelaksanaan TMUA di tiga buah sekolah sejumlah 450 orang murid yang terpilih melalui sistem temuduga yang tersendiri memenuhi kelas-kelas tahfiz di sekolah TMUA. Dalam tempoh 4 tahun ini sahaja jumlah murid tahfiz TMUA telah bertambah menjadi **4905** orang murid.

Jadual 8 Bilangan murid TMUA mengikut tingkatan berdasarkan sekolah

Sumber: Data Hafazan Tahfiz Model Ulul Albab,
Bahagian Pendidikan Islam bagi bulan Januari 2017.

Bil	Sekolah	Bilangan murid (Januari)				
		F1	F2	F3	F4	JUM
1	SMKA Kuala Lumpur	125	147	147	144	563
2	SMKA Kedah	153	152	140	148	593
3	SMAP Bentong	137	168	133	135	573
4	MAAHAD Muar	152	166	177	0	495
5	SBPI Rawang	89	119	83	0	291
6	SMKA Kerian	124	145	147	0	416
7	SMKA Tok Bachok	184	165	173	0	522
8	SMKA Kota Kinabalu	119	118	0	0	237
9	SBPI Batu Rakit	72	97	0	0	169
10	SMKA Nibong Tebal	122	172	0	0	294
11	SMKA Hj. Abu Hassan Sail	122	147	0	0	269
12	SMKA Purtajaya	90	0	0	0	90
13	SMKA Arau	120	0	0	0	120
14	SMKA S. Hj. Othman Wahab	153	0	0	0	153
15	SBPI Selandar	120	0	0	0	120
	Jumlah murid TMUA 2017 bagi bulan Januari	4905				

Bagi memastikan TMUA memberi impak yang maksimum kepada perkembangan dan juga pencapaian murid, KPM meletakan nisbah guru dan murid dalam skala 1:10 yang dianggap amat bersesuaian dalam melaksanakan pembelajaran dan pengajaran tahliz. Bermula dengan 45 orang guru hafiz pada tahun 2014 yang dipilih daripada lepasan ijazah sarjana muda pelbagai bidang dan telah mempunyai Diploma ikhtisas di dalam bidang masing-masing, sehingga kini 385 orang guru hafiz sedang giat menabur bakti di seluruh sekolah TMUA.

HARAPAN

Dalam era transformasi dunia pendidikan khususnya di Malaysia masa kini, kesedaran mengenai kepentingan pendidikan bagi memajukan diri dalam menghadapi cabaran kehidupan semakin meningkat. Masyarakat kini sangat prihatin dan mengikuti perkembangan pendidikan dengan penuh minat dan bersikap kritis terhadap isu-isu berkaitan dengan kemajuan pendidikan. Justeru, Pendidikan Tahliz di KPM juga tidak terkecuali daripada menjadi perhatian masyarakat kerana kesannya dapat memberi impak kepada pendidikan negara khususnya dalam melahirkan generasi profesional muslim yang *hafiz al-Quran*.

Tidak dapat dinafikan bahawa pendidikan tahliz KPM memberi impak yang besar dalam memartabatkan pendidikan tahliz di negara ini. Secara umumnya kewujudan pendidikan tahliz sebaris dengan kurikulum arus perdana ini menobatkan pengajian tahliz al-Quran sebaris dengan bidang pengajian dan pendidikan arus perdana yang lain. Dalam masa yang sama KPM perlu meningkat dan memantapkan kualiti pelbagai aspek organisasi pendidikan meliputi:

- Kualiti pengajaran dan pembelajaran
- Kualiti perkhidmatan
- Kualiti kurikulum
- Kualiti penilaian dan pensijilan
- Kualiti guru
- Kualiti perkembangan dan kebajikan murid
- Kualiti persekitaran budaya murid dan organisasi
- Kualiti pengurusan dan pentadbiran Sekolah Tahliz
- Kualiti kepimpinan
- Kualiti penyeliaan dan pemantauan
- Kualiti mentoring
- Kualiti perkembangan staf

Pemantapan dan peningkatan kualiti ini akan menjadi langkah positif ke arah pengembangan dimensi baru dalam bidang ilmu al-Quran dan tafsir al-Quran di negara ini. Peluang ini sewajarnya dimanfaatkan sebaik-baiknya bagi melonjak kedudukan Malaysia dalam kalangan negara-negara Islam khususnya. Dalam masa yang sama, Malaysia mampu mengenengahkan ideologi yang berteraskan al-Quran di persada antarabangsa sebagaimana yang dilakukan oleh YAB Dato' Seri Mohd Najib bin Abdul Razak, Perdana Menteri dalam mengenengahkan konsep ‘Dasar Pendidikan Tafsir Negara (DPTN)’. Ini sekaligus memberi ruang kepada mereka memahami konsep-konsep sejagat yang diketengahkan oleh al-Quran di samping dapat menghindari mereka dari mempunyai persepsi yang salah terhadap Islam (Utusan Malaysia 2016).

Dilihat dari aspek pembangunan modal insan, pemantapan dan peningkatan kualiti ini juga akan dapat meramaikan kemasukan pakar dalam dalam bidang al-Quran dan tafsir al-Quran. Ini memberi peluang ke arah melahirkan murid yang cemerlang, berkualiti dan berdaya saing di peringkat global. Dalam masa yang sama peluang ini juga boleh diambil bagi meningkatkan kualiti pendidikan tafsir al-Quran dengan memanfaatkan tenaga pakar tersebut bagi membimbing dan membangunkan modal insan tenaga pengajar sedia ada di institusi-institusi tafsir tempatan. (Zulkifli Hj. Mohd. Yusoff 2016).

Akhirnya, negara kita Malaysia akan dipandang tinggi di mata dunia khususnya dalam kalangan negara-negara Islam apabila agenda pendidikan tafsir mula menunjukkan hasil dalam tempoh menjelang 2021.

RUJUKAN

- Ab. Halim Tamuri. 2012. Persepsi pelajar terhadap kaedah pembelajaran tafsir. *Journal of Islamic and Arabic Education* 4(2): 1-10.
- Abdullah Ishak. 1990. *Islam di Nusantara, Khususnya di Tanah Melayu*. Petaling Jaya: Badan Dakwah dan Kebajikan Islam Malaysia.
- Adnan Mohamed Yusoff. 2013. Universiti darul quran manifestasi transformasi pengajian al-Quran di Malaysia. *Jurnal Darul Quran* 17: 1-29.
- Ahmad Mohd Salleh. 2008. *Pengajian Agama Islam & J-Qaf*. Kuala Lumpur: Oxford Fajar.
- Bahagian Pendidikan Islam, Kementerian Pendidikan Malaysia. 2016. Buku Laporan Tahunan 2015. Putrajaya: Bahagian Pendidikan Islam.

- Fauzi Baharuddin. 2016. Kerajaan rangka dasar pendidikan tahliz negara. *Utusan Malaysia*, 21 Mac.
- Idris Jusoh. 2006 Satu pemikiran praktis dalam merealisasikan konsep Ulul Albab. Kertas Pembentangan Seminar Ulul Albab, September, Kuala Terengganu, anjuran bersama Kerajaan Negeri Terengganu dan Terengganu Development Institute.
- Ismail Kamadin. 2014. Sokong Lahir Generasi Ulul Albab. *Utusan Malaysia*, 12 Julai.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia JAKIM. 2003. *Sambutan 35 Tahun JAKIM: Penjana Umat Bertaqwa dan Progresif*. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Berhad.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2013. *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. 2010. *Hala Tuju Pengajian Islam di Malaysia*. Bangi: Penerbit UKM.
- Mohd Hairudin Amin & Kamarul Azmi Kasmi. 2012. *Sekolah Agama di Malaysia Sejarah, Isu dan Cabaran*. Johor Bahru: Penerbit UTM Press.
- Mohd Yusof Ahmad 2015. *Institut Pendidikan al-Quran di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nordin Ahmad 2015. Memperkasa Darul Quran ke arah memartabat pendidikan tahliz di Malaysia. Kertas pembentangan Simposium Pendidikan Tahliz Nusantara 1-3 Jun 2015.
- Ramli Saadon, Khairi Ariffin & Ishak Saat. Perkembangan pendidikan orang Melayu sebelum western type education. *Jurnal Perspektif* 8(2): 79-96.
- Rekod Data Hafazan, Unit Pemerkasaan Pengajian al-Quran, Bahagian Pendidikan Islam, KPM bagi bulan Januari 2017.
- Sinar Harian*, 2014. Tahliz Model Ulul Albab kembalikan ilmuhan hebat, 10 Julai.
- Surat Pekeliling Ikhtisas SPI Kementerian Pendidikan Malaysia bil 1/2016 bertarikh 15 Januari 2016: Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia. Putrajaya.
- Syed Ahmad Tarmizi. 2003. Latar belakang guru tahliz dan amalan kaedah kaedah pengajaran tahliz al-Quran di Malaysia. *Jurnal Of Islamic Education* 1(1): 28-39.
- Wan Muhammad A. Aziz. 1997. Pengurusan ma'had tahliz al-Quran: Pengalaman Darul Quran JAKIM. *Jurnal Darul Quran* 3: 53-59.
- Zulkifli Mohd. Yusoff. 2016. Resolusi simposium pendidikan tahliz al-quran peringkat antarabangsa sempena sambutan jubli emas Darul Quran, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 22-24 November 2016.